

# Anwar diperintah bayar RM85,284 kepada PM .

UM 18 APR 2001

Oleh NORLELA IBRAHIM

**K**UALA LUMPUR 17 April — Datuk Seri Anwar Ibrahim diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini supaya membayar RM85,284.80 sebagai kos kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setelah tuntutan saman malu terhadap Perdana Menteri dibatalkan.

Timbalan Pendaftar, Rozilah Salleh membuat keputusan itu di kamarnya, petang ini.

Anwar selaku plaintif telah menyaman Dr. Mahathir untuk menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa memfitnahkannya dalam persidangan media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dinamakan sebagai defendan telah memohon

kos kepada mahkamah setelah Hakim Datuk Dr. Kamalanathan Ratnam membatalkan saman itu pada 30 Ogos 1999 mengikut Perintah 18 Peraturan 19(l)(a),(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi.

Pada 23 Februari lalu, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan Anwar untuk mendapatkan kebenaran merayu atas keputusan membatalkan samannya itu.

## Menolak

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamad Dzaiddin Abdulah memutuskan menolak permohonan itu dengan kos.

Beliau mencapai keputusan itu sebulat suara bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad.

Dalam permohonan yang dikemukakan petang ini, Dr. Ma-

hathir diwakili oleh peguam Fazilah Mohd. Pilus yang memohon sebanyak RM203,958.80 sebagai kos.

Dalam saman yang difailkan pada 25 Januari 1999, Anwar yang diwakili peguam Karpal Singh mendakwa Dr. Mahathir secara salah dan berniat jahat bercakap kepada wartawan tempatan dan asing mengenai perilakunya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Anwar mendakwa perkataan-perkataan yang dituturkan oleh PM itu menjejaskan perwatakan dan reputasinya di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hakim Kamalanathan sewaktu membatalkan tuntutan saman itu berkata, setelah menimbang segala isu yang ditimbulkan di hadapannya oleh kedua-dua pihak maka beliau tidak teragak-agak untuk menyatakan bahawa tun-

tutan plaintif (Anwar) adalah suatu yang "amat jelas tidak boleh dipertahankan."

Dengan itu, beliau mendapati tindakan tersebut tidak sungguh-sungguh, menyusahkan dan menyalah guna proses mahkamah.

Menurut Hakim Kamalanathan bahawa defendan sebagai ketua eksekutif kerajaan dan di sisi undang-undang adalah berkewajipan dan tanggungjawab sosial untuk beliau menjelaskan kepada negara mengenai hal-hal yang dibangkitkan berkaitan dakwaan terhadap plaintif.

Bagaimanapun, menurut pernyataan pembelaan Dr. Mahathir, beliau menegaskan bahawa perkataan yang didakwa berunsur fitnah itu dibuat dalam kedudukannya sebagai Perdana Menteri yang mempunyai keistimewaan bersyarat.